

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI  
IBRAHIM  
[KUALA SELANGOR - BN]**

**TARIKH : 2 APRIL 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO.40**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi kemelut permasalahan pasukan bola sepak Selangor yang dihalang daripada beraksi di Stadium Shah Alam oleh Kerajaan Negeri yang dilihat seperti cuba mensabotaj imej dan prestasi pasukan tersebut.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak mempunyai kuasa untuk menyelesaikan isu berkaitan pasukan bola sepak Selangor yang dilarang oleh Kerajaan Negeri Selangor dari menggunakan Stadium Shah Alam sebagai gelanggang tuan rumah Liga Bola Sepak Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, KBS berpendapat bahawa sukan sepatutnya tidak dipolitikkan lebih-lebih lagi sukan bola sepak kerana dikuatiri akan menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan penyokong fanatik negeri tersebut yang seterusnya akan bertindak di luar semangat kesukanan dan menyebabkan peminat bola sepak lain tidak lagi berminat untuk hadir ke stadium.

Sekian, terima kasih.